

Pusat judi perosak masyarakat

UTUSAN MALAYSIA

2/11/2016 P. 11



NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED

KEMUNCULAN terlalu banyak pusat judi haram di negara ini mula membimbangkan masyarakat. Pusat judi yang menjalankan perniagaan judi atas talian misalnya yang tumbuh umpama cendawan selepas hujan dilihat semakin mengganggu dan merosakkan kehidupan. Gejala ini mula merisaukan dan semakin menjadi virus yang mencetuskan pelbagai masalah sosial dan jenayah dalam kalangan rakyat.

Walaupun jumlah serbuan dan sitaan ke atas premis judi, rampasan barang dan wang ringgit serta tangkapan kaki judi meningkat secara mendadak namun apa yang menyediakan ialah pada masa sama bilangan rakyat kita yang terjebak dalam masalah sosial ini juga semakin bertambah. Tambah merisaukan apabila kemudahan teknologi dan internet mula menjerat golongan remaja dan belia untuk turut bergelumang dalam kancan kemudaratan ini.

Hakikatnya pada hari ini pusat judi mula menjadi lubuk dan antara penyumbang utama kepada pelbagai masalah sosial yang merosakkan masyarakat kita. Taktik dan strategi licik pemilik premis yang menyediakan pelbagai kemudahan turut menjadi daya tarikan utama dan terus meningkatkan bilangan kaki judi dalam masyarakat. Misalnya, ada premis yang sanggup menawarkan perkhidmatan berurut, makan, sauna dan tidur secara percuma dengan syarat pelanggan berjudi dalam tempoh lebih 24 jam. Penawaran pakej serba lengkap ini mula menjadi trend yang cukup merisaukan.

Malah dilaporkan mesin judi juga semakin canggih dan lebih interaktif bagi melalaikan kaki judi untuk terus bermain judi dan itu belum lagi termasuk dengan taruhan kemenangan berlipat kali ganda hingga mencapai ribuan ringgit dengan modal serendah RM50 yang sekali gus menyebabkan kaki judi terus hanyut dengan impian untuk menjadi kaya. Mengikut rekod dianggarkan setiap kaki judi sanggup dan boleh menghabiskan RM200 hingga RM50,000 sehari. Mereka ini terdiri daripada golongan dalam lingkungan umur seawal 12 hingga 80 tahun.

Secara umumnya, permainan



KETUA Polis Daerah Kampar, Ng Kong Soon menunjukkan sebahagian daripada 73 mesin perjudian simulator yang berjaya dirampas dalam serbuan di dua premis di Desa Lawan Kuda dan Jalan Aman Mambang Diawan selepas sidang akbar di Ibu pejabat Polis Daerah Kampar, Perak pada 19 Oktober lalu. - UTUSAN/SYEFRY MONIZ

judi dalam talian misalnya boleh membuat kita leka dan percaya bahawa judi tidak pernah menjanjikan kekayaan seperti yang mereka harapkan namun sikap mudah percaya dan tamak untuk menjadi cepat kaya dengan jalan pintas menyebabkan rakyat kita mudah ter dorong untuk mencuba nasib dan akhirnya ramai yang merana.

Antaranya, ada yang sanggup meminjam dari ceti haram ataupun ah long untuk bermain judi, ada yang sanggup menggadai barang kemas mahupun harta benda yang lain dan lebih teruk lagi ada yang sanggup mencuri atau meragut untuk melepaskan hajat masing-masing. Ini jelas merosakkan dan memudaratakan masyarakat kita dari pelbagai aspek.

Kesan dan akibat daripada pengaruh judi juga dilihat semakin merisaukan. Misalnya, ada yang sanggup mencederakan ahli keluarga yang menegur, menghalang atau tidak mahu beri duit yang diperlukan semata-mata untuk meneruskan tabiat bermain judi, malah baru-baru ini didekahkan ada yang sanggup menjual isteri untuk melangsangkan hutang yang dipinjam untuk berjudi.

Dalam pada itu penglibatan golongan remaja dan belia juga cukup membimbangkan masyarakat. Hal ini kerana mereka yang sepatutnya fokus kepada pelajaran dan pekerjaan untuk membina masa depan mula hanyut dengan gejala tidak sihat ini sehingga leka dan lalai. Ini adalah satu kerugian yang cukup besar kepada masyarakat dan juga negara secara keseluruhannya. Justeru, kita

tidak boleh membiarkan kegiatan judi ini memudaratakan negara dan kaki judi pula terus merosakkan dan menghancurkan masyarakat.

Dalam hal ini timbul persoalan kenapa walaupun serbuan demi serbuan dibuat secara berterusan namun premis judi tetap tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan? Malah premis yang pernah diserbu dan disita juga dikatakan berani beroperasi semula dan ada premis yang diserbu beberapa kali oleh pihak berkuasa tetapi terus degil dan beroperasi lagi. Apakah ini menunjukkan mereka terlalu kebal untuk diambil tindakan, mempunyai rangkaian perhubungan dan perniagaan yang terlalu besar dan kuat sehingga sukar untuk dibanters atau hukuman kita masih tidak setimpal dan menakutkan mereka?

Justeru kita harap jika ada sebuah isu ketirisan atau integriti dalam soal ini membabitkan pihak penguasa berkuasa diharap ia dapat ditangani segera supaya usaha dan inisiatif untuk membanteras kegiatan judi ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Pihak berkuasa perlu melihat isu ini lebih serius dengan strategi jangka panjang yang lebih berkesan. Perlu ada kerjasama strategik yang jitu antara polis dan juga pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi lain agar segala perancangan dan operasi dapat dilaksanakan dengan baik. Betul dalam keadaan teknologi yang serba canggih ini adakalanya memang terlalu sukar untuk mengenal pasti dan menyerbu premis yang menawarkan perkhidmatan judi atas

talian namun itu tidak boleh dijadikan alasan.

Perubahan modus operandi pengusaha judi misalnya dari kedai ke rumah dan sebagainya sewajarnya mematangkan kita juga untuk mempelbagaikan kaedah dan strategi modus operandi serbuan dan tangkapan agar terus menekan mereka dari segala sudut supaya menutup dan menghentikan operasi mereka.

Dalam pada itu, penulis juga percaya peningkatan premis yang menawarkan perniagaan dan perkhidmatan perjudian ini turut berpunca daripada anggota masyarakat itu sendiri. Formula mudah adalah mana mungkin ada penawaran tanpa permintaan.

Jadi peningkatan bilangan pusat judi secara prinsipnya berpunca daripada peningkatan bilangan kaki judi yang terus menagih peluang untuk cepat kaya dengan jalan pintas. Jadi diharapkan masyarakat juga dapat memainkan peranan penting supaya dapat menyekat penularan gejala ini dalam keluarga masing-masing agar tidak terus merosakkan keluarga dan juga masyarakat.

Cukup-cukuplah segala kerohanian dan kemudaratan yang dibawa oleh pusat judi dan juga kaki judi dalam masyarakat ini. Kita tidak mahu isu seperti ini terus menghantui rakyat dengan tambahan pelbagai masalah sosial lain. Sama-sama kita bertekad untuk membanteras aktiviti judi haram ini dari akar umbi lagi.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Universiti Putra Malaysia (UPM).